

11 OCT 1996

Umno-Muhyiddin

MUHYIDDIN KATA SURAT LAYANG JEJASKAN UNDINYA

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin yang gagal mempertahankan jawatan naib presiden pada pemilihan Umno semalam berkata banyak surat layang dilemparkan terhadapnya tetapi beliau tidak dapat menjawab tohmahan kerana adanya larangan berkempen.

"Saya tidak boleh menjawab segala fitnah dan tuduhan itu, kalau saya turun untuk berjumpa anggota perwakilan, ia akan dianggap salah kerana berkempen," katanya kepada pemberita pada waktu rehat persidangan hari kedua perhimpunan agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Muhyiddin, Menteri Belia dan Sukan, yang menduduki tempat keenam dalam pertandingan tujuh penjur, berkata ada kemungkinan perkara itu telah menyebabkan undinya terjejas.

Pada pemilihan 1993, Muhyiddin, yang ketika itu menjadi Menteri Besar Johor, mendapat undi terbanyak untuk memegang jawatan naib presiden.

Katanya, beliau menghormati keputusan para perwakilan kerana "dalam pertandingan, ada yang menang dan kalah".

Muhyiddin berkata larangan berkempen itu baik tetapi ia perlu diperjelaskan termasuk dalam menangani masalah seperti surat layang.

"Tidakkah surat layang satu bentuk kempen? Macam mana calon nak buat bagi melindungi diri daripada tohmahan dalam surat layang," katanya.

Daripada pengalamannya bertanding kali ini, beliau berkata para anggota perwakilan mungkin menganggap tohmahan terhadapnya sebagai benar kerana beliau tidak boleh membuat penjelasan disebabkan halangan berkempen.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa beliau tidak bercadang merombak Kabinet walaupun beberapa menteri tewas dalam pemilihan itu, Muhyiddin berkata itu adalah hak Perdana Menteri.

Selain Muhyiddin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz gagal mempertahankan jawatan ketua Wanita manakala Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik gagal mengekalkan kedudukan sebagai anggota Majlis Tertinggi. -- BERNAMA

AZZ NMO